




Judicial Officers' Code *of* Ethics 2019



This Judicial Officer's Code of Ethics ("Code") is intended to assist the judicial officers about their conduct. This Code states the basic standards to govern the conduct of all judicial officers and to provide guidance in setting and maintaining high standards of personal and judicial conduct.

This Code is based on the Public Officers (Conduct And Discipline) Regulations 1993 [P.U.(A) 395/1993]. This Code is an addition to the *Kod Etika Pegawai dan Kakitangan* issued on 20th September 1999 by the Chief Registrar of the Federal Court of Malaysia.

This Code applies to judicial officers which includes Sessions Court Judges, Magistrates and the presiding Registrars. Judicial officers who are no longer presiding remain subject to the Code. A retired judicial officer may still be regarded by the general public as a representative of the judiciary. Retired judicial officers should exercise caution and are encouraged therefore to refer to this Code so as to avoid any activity that may tarnish the reputation of the judiciary.



Code of Conduct

1. A judicial officer shall comply with the provisions specified in this Code.

Upholding the integrity and independence of the judiciary

2. A judicial officer shall exercise his judicial function independently on the basis of his assessment of the facts and in accordance with his understanding of the law, free from any extraneous influence, inducement, pressure, threat or interference, direct or indirect from any quarter or for any reason.

Avoiding impropriety and the appearance of impropriety in all judicial activities

3. A judicial officer shall act at all times in a manner that promotes integrity and impartiality of the judiciary.
4. A judicial officer shall not—
 - (a) allow any relationship to influence his judicial conduct or judgment;
 - (b) lend the prestige of his judicial office to advance his or others' private interest; and
 - (c) convey or permit others to convey the impression to any person that they are in a special position to influence him.

Performing judicial duties fairly and efficiently

5. The judicial duties of a judicial officer shall take precedence over all his other activities.



6. A judicial officer shall not participate in the determination of a case in which any member of the judicial officer's family represents a litigant or is associated in any manner with the case.

7. A judicial officer shall perform his judicial duties without bias or prejudice.

8. A judicial officer shall dispose of all his judicial duties fairly, efficiently, diligently and promptly.

9. A judicial officer should be true and faithful to the law and should acquire and maintain such professional competence in it as to enable him to achieve its proper and smooth administration.

10. A judicial officer should be patient, dignified and courteous to accused persons and litigants, assessors, witnesses, lawyers and all others with whom he has to deal in his official capacity and should require similar conduct of lawyers, his staff and others subject to his direction and control.

11. A judicial officer should dispose of promptly the business of court. In order to achieve this the judicial officer is required to devote adequate time to his duties, i.e. punctual in attending court and expeditious in disposal of cases. A judicial officer shall endeavour to diligently and efficiently hear and complete the cases in his court and promptly write his judgments.

12. A judicial officer should abstain from comment about a pending or impending proceeding in any court, and should require similar abstention on the part of the court personnel subject to his direction and control.

13. A judicial officer is prohibited from recording or photographing in the court room during sessions of the court or recesses between sessions .

14. A judicial officer shall abstain from giving any public comment about a pending or impending proceedings which may be heard before the judicial officer's court in a manner which may suggest to a reasonable person the judicial officer's probable decision in any particular case.

15. A judicial officer shall not disclose or use any non-public information acquired in his judicial capacity for any purpose unrelated to his judicial duties.

Minimizing the risk of conflict with the judicial officer's judicial obligations while conducting his extra-judicial activities

16. A judicial officer shall ensure that his extra-judicial activities do not—

- (a) cast reasonable doubt on his capacity to act impartially as a judicial officer;
or
- (b) interfere with the proper performance of his judicial duties.

17. A judicial officer shall avoid close association with practising members of the legal profession, particularly those who practise in the judicial officer's court, where such association might give rise to a reasonable suspicion or appearance of favouritism.

18. A judicial officer shall refrain from any conduct as a member of any group, association or organization or participate in any public discussion which, in the mind of a reasonable person, may undermine confidence in the judicial officer's impartiality with respect to any issue pending before the court.

19. A judicial officer shall not be involved or participate in any political activities and shall refrain from any conduct which may give rise to an appearance that the judicial officer is engaged in political activity.





20. Subject to proper performance of his judicial duties, a judicial officer, with the written approval of the Chief Registrar, may—

- (a) write, give lecture, teach and participate in activities concerning the law, the judicial system, the administration of justice and related matters;
- (b) appear at a public hearing before an official body concerned with matters relating to the law, the judicial system and the administration of justice and related matters;
- (c) serve as a member of an official body devoted to the improvement of the law, the judicial system, the administration of justice and related matters or as a member of a body approved by the Government of Malaysia;
- (d) write or speak publicly on non-legal subjects and engage in historical, education, cultural, religious, sporting or social and recreational activities, if such activities are not detrimental to the dignity of the judicial office or do not otherwise interfere with the performance of his judicial duties in accordance with this Code; and
- (e) participate in civic and charitable activities that do not reflect adversely on the judicial officer's impartiality or interference with the performance of his judicial duties.

21. A judicial officer shall not conduct himself in a manner which is not befitting of a judicial officer or which brings or is calculated to bring disrepute to his office as a judicial officer.

Cessation of any connection with the firm

22. A judicial officer shall, on his appointment, cease to have any connection with the firm where he was practising as an advocate and solicitor prior to his appointment.

23. The judicial officer shall—
- (a) immediately relinquish all interest in the firm;
 - (b) ensure that he has no dealing with the firm or any member of the firm; and
 - (c) ensure that his name is removed from the firm's name.

Disciplinary procedure

24. The breach of any provision of this Code shall render a judicial officer liable to disciplinary proceedings in accordance with the Public Officers (Conduct And Discipline) Regulations 1993 [P.U.(A) 395/1993].





ISTANA KEHAKIMAN






Kod Etika

Pegawai Kehakiman

2019



Kod Etika Pegawai Kehakiman ini ("Kod") bertujuan untuk membantu pegawai kehakiman tentang kelakuan mereka. Kod ini menyatakan standard asas untuk mengawal semua pegawai kehakiman dan memberi panduan dalam menetapkan dan mengekalkan taraf yang tinggi bagi kelakuan peribadi dan kehakiman.

Kod ini adalah berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]. Kod ini adalah tambahan kepada Kod Etika Pegawai dan Kakitangan yang dikeluarkan pada 20 September 1999 oleh Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia.

Kod ini terpakai bagi pegawai kehakiman yang termasuklah Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret dan Pendaftar yang menjalankan perbicaraan. Pegawai kehakiman yang tidak lagi menjalankan perbicaraan tetap tertakluk kepada Kod ini. Pegawai kehakiman yang bersara masih boleh dianggap oleh orang awam sebagai mewakili kehakiman. Oleh itu, pegawai kehakiman yang bersara harus berhati-hati dan digalakkan untuk merujuk kepada Kod ini untuk menghindari apa-apa kegiatan yang boleh merosakkan reputasi badan kehakiman.



Kelakuan

1. Seseorang pegawai kehakiman hendaklah mematuhi peruntukan yang dinyatakan dalam Kod ini.

Menegakkan integriti dan kebebasan badan kehakiman

2. Seseorang pegawai kehakiman hendaklah menjalankan fungsi kehakimannya secara bebas berdasarkan penilaiannya terhadap fakta dan menurut pemahamannya tentang undang-undang, bebas daripada pengaruh, dorongan, tekanan, ancaman atau campur tangan luar, langsung atau tidak langsung daripada mana-mana pihak atau bagi apa-apa sebab.

Menghindari ketidaksopanan dan penampakan ketidaksopanan dalam semua aktiviti kehakiman

3. Seseorang pegawai kehakiman hendaklah bertindak pada setiap masa dengan cara yang menonjolkan integriti dan kesaksamaan badan kehakiman.

3. Seseorang pegawai kehakiman hendaklah bertindak pada setiap masa dengan cara yang menonjolkan integriti dan kesaksamaan badan kehakiman.

4. Seseorang pegawai kehakiman tidak boleh-
- (a) membenarkan apa-apa perhubungan mempengaruhi kelakuan kehakiman atau penghakimannya;
 - (b) menggunakan prestij jawatan kehakimannya untuk kepentingan dirinya atau orang lain ; dan

- (c) menyampaikan atau membenarkan orang lain untuk menyampaikan gambaran kepada mana-mana orang bahawa mereka berada dalam kedudukan istimewa untuk mempengaruhinya.

Melaksanakan tugas kehakiman secara adil dan efisien

5. Tugas kehakiman seseorang pegawai kehakiman hendaklah mengatasi aktivitinya yang lain.
6. Seseorang pegawai kehakiman tidak boleh mengambil bahagian dalam penentuan kes yang mana-mana anggota keluarga pegawai kehakiman mewakili seseorang litigan atau dikaitkan dengan apa jua cara dengan kes itu.
7. Seseorang pegawai kehakiman hendaklah melaksanakan tugas kehakimannya tanpa bias atau prejudis.
8. Seseorang pegawai kehakiman hendaklah menyelesaikan semua tugas kehakimannya secara adil, cekap, tekun dan dengan segera.
9. Seseorang pegawai kehakiman harus setia dan taat kepada undang-undang dan hendaklah memperoleh dan mengekalkan kecekapan profesional dalam undang-undang bagi membolehkannya mencapai pengurusan undang-undang yang betul dan lycin.
10. Seseorang pegawai kehakiman harus bersabar, menunjukkan rasa hormat dan beradab terhadap orang-orang yang dituduh dan litigan, pengapit, saksi, peguam dan semua yang lain yang dengannya dia harus berurusan atas kapisiti rasminya, dan hendaklah menuntut kelakuan yang sama daripada peguam,



kakitangannya dan orang lain yang tertakluk di bawah arahan dan kawalannya.

11. Seorang pegawai kehakiman hendaklah menyelesaikan urusan mahkamah dengan segera. Untuk mencapainya, pegawai kehakiman adalah dikehendaki menumpukan masa yang mencukupi kepada tugasnya, iaitu ketepatan waktu dalam menghadiri mahkamah dan cepat dalam pelupusan kes. Seseorang pegawai kehakiman hendaklah berusaha dengan gigih untuk mendengar dan menyelesaikan kes-kes di mahkamah dan dengan segera menulis penghakimannya.

12. Seseorang pegawai kehakiman hendaklah menahan diri daripada memberi komen tentang prosiding yang belum selesai atau yang akan berlaku di mana-mana mahkamah, dan hendaklah juga menghendaki orang lain yang tertakluk kepada arahan dan kawalannya untuk juga menahan diri daripada perbuatan tersebut.

13. Seseorang pegawai kehakiman adalah dilarang daripada merakam atau mengambil gambar di ruang mahkamah semasa sesi mahkamah atau semasa sesi rehat mahkamah.

14. Seseorang pegawai kehakiman hendaklah menahan diri daripada memberi apa-apa komen awam mengenai prosiding yang belum selesai atau yang akan didengar di hadapan mahkamah seseorang pegawai kehakiman itu dengan cara yang boleh mencadangkan kepada orang yang munasabah, suatu keputusan yang mungkin, dalam mana-mana kes tertentu yang dibuat oleh pegawai kehakiman itu.

15. Seseorang pegawai kehakiman tidak boleh mendedahkan atau menggunakan apa-apa maklumat bukan awam yang diperolehi dalam kapisiti kehakimannya



bagi apa-apa tujuan yang tidak berkaitan dengan tugas kehakimannya.

Meminimumkan risiko percanggahan dengan tugas kehakiman seseorang pegawai kehakiman semasa menjalankan aktiviti luar kehakiman

16. Seseorang pegawai kehakiman hendaklah memastikan bahawa kegiatan luar kehakimannya tidak-

(a) menimbulkan keraguan munasabah terhadap keupayaannya untuk bertindak secara adil sebagai pegawai kehakiman; atau

(b) mengganggu pelaksanaan tugas kehakiman beliau yang sepatutnya.

17. Seseorang pegawai kehakiman hendaklah mengelak pergaulan rapat dengan individu yang beramal dalam profesion undang-undang, terutamanya mereka yang beramal di mahkamah seseorang pegawai kehakiman itu, di mana pergaulan rapat sedemikian mungkin menimbulkan syak wasangka munasabah atau menunjukkan sikap berat sebelah.

18. Seseorang pegawai kehakiman hendaklah menahan diri daripada apa-apa kelakuan, sebagai anggota mana-mana kumpulan, persatuan atau organisasi atau mengambil bahagian dalam mana-mana perbincangan awam yang, dalam fikiran orang yang munasabah, boleh menjejaskan keyakinan terhadap kesaksamaan seseorang pegawai kehakiman berkenaan dengan apa-apa isu yang belum selesai di hadapan mahkamah.

19. Seseorang pegawai kehakiman tidak boleh terlibat atau mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti politik dan hendaklah menahan diri daripada apa-apa kelakuan yang boleh memperlihatkan bahawa seseorang pegawai kehakiman itu terlibat dalam kegiatan politik.





20. Tertakluk kepada pelaksanaan tugas kehakiman yang sepatutnya, seseorang pegawai kehakiman, dengan kelulusan bertulis Ketua Pendaftar, boleh-

- (a) menulis, memberi kuliah, mengajar dan mengambil bahagian dalam aktiviti berkaitan dengan undang-undang, sistem kehakiman, pentadbiran keadilan dan hal-hal yang berkaitan;
- (b) hadir di pendengaran awam di hadapan suatu badan rasmi berkenaan dengan perkara yang berkaitan dengan undang-undang, sistem kehakiman dan pentadbiran keadilan dan hal-hal yang berkaitan;
- (c) berkhidmat sebagai anggota badan rasmi yang dikhususkan untuk memperbaiki undang-undang, sistem kehakiman, pentadbiran keadilan dan hal-hal yang berkaitan atau sebagai anggota badan yang diluluskan oleh Kerajaan Malaysia;
- (d) menulis atau bercakap secara terbuka atas perkara bukan undang-undang dan terlibat dalam aktiviti sejarah, pendidikan, kebudayaan, keagamaan, sukan atau sosial dan rekreasi, jika aktiviti tersebut tidak merosakkan maruah jawatan kehakiman atau tidak mengganggu pelaksanaan tugas kehakimannya mengikut Kod ini; dan
- (e) mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti sivik dan amal, yang tidak menjejaskan kesaksamaan pegawai kehakiman atau mengganggu pelaksanaan tugas kehakimannya.


21. Seseorang pegawai kehakiman tidak boleh berkelakuan dengan cara yang tidak sesuai sebagai pegawai kehakiman atau yang boleh membawa atau dianggap sebagai membawa nama buruk kepada jawatannya sebagai pegawai kehakiman.

Pemberhentian apa-apa hubungan dengan firma

22. Seseorang pegawai kehakiman hendaklah, dengan pelantikannya, terhenti daripada mempunyai apa-apa kaitan dengan firma di mana dia beramal sebagai peguam bela dan peguam cara sebelum pelantikannya.
23. Seseorang pegawai kehakiman hendaklah-
- (a) segera melepaskan semua kepentingan dalam firma itu;
 - (b) memastikan bahawa dia tidak berurusan dengan firma itu atau mana-mana anggota firma itu; dan
 - (c) memastikan bahawa namanya dikeluarkan daripada nama firma itu.

Tatacara tatatertib

24. Pelanggaran mana-mana peruntukan Kod ini akan menyebabkan seseorang pegawai kehakiman boleh dikenakan tindakan tatatertib menurut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993].



PEJABAT KETUA PENDAFTAR

Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman, Presint 3
62506 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03 8880 3500

Faks: 03 8880 3886

Emel: webmaster@kehakiman.gov.my